



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**TOWNHALL KANAK-KANAK PARLIMEN MALAYSIA:
BULI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK**

**JAWATANKUASA PILIHAN WANITA, KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT DEWAN RAKYAT PARLIMEN KE-15**

KUALA LUMPUR, 21 November 2025- Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat hari ini telah menganjurkan *Townhall* Kanak-kanak: Buli Dalam Kalangan Kanak-Kanak di Dewan Bankuet, Blok Utama Parlimen Malaysia. Program ini menghimpunkan lebih 200 peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah, guru pengiring, agensi kerajaan dan UNICEF.

Townhall ini diadakan sebagai platform untuk mendengar secara langsung suara, pengalaman dan pandangan pelajar mengenai isu buli, keselamatan serta kesihatan mental di sekolah. Program ini membawa tema “**Suara Rakyat: Tanggungjawab Kita**”, melambangkan komitmen Parlimen untuk memastikan suara kanak-kanak diberi tempat sewajarnya dalam proses pembentukan dasar negara.

Majlis dirasmikan oleh **Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin**, Ahli Parlimen Puchong merangkap Pengerusi Jawatankuasa, diikuti taklimat hak kanak-kanak dan keselamatan diri oleh Yang Berusaha Dr. Farah Nini binti Dusuki, Ketua Pesuruhjaya Kanak-kanak, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Sesi *Townhall* bersama pelajar sekolah menengah telah berlangsung dengan penyertaan aktif daripada peserta yang berkongsi pengalaman, cabaran dan cadangan berkaitan isu buli

di sekolah yang dikendalikan oleh Yang Berusaha Dr. Mohd Al Adib bin Samuri, Pesuruhjaya Kanak-kanak, OCC, SUHAKAM.

Majlis penutup *townhall* kanak-kanak Parlimen Malaysia telah disempurnakan oleh **Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail**, Ahli Parlimen Ampang merangkap Naib Pengerusi Jawatankuasa. Beliau merakamkan penghargaan kepada para pelajar atas keberanian mereka bersuara serta kepada guru-guru pengiring dan pihak sekolah atas sokongan yang diberikan. Beliau turut menegaskan bahawa dapatan daripada *townhall* ini memainkan peranan penting dalam membentuk cadangan dasar yang lebih berkesan untuk menangani isu buli dalam kalangan pelajar.

Program pra-sesi *townhall* dengan kerjasama UNICEF telah dijalankan pada 20 November 2025 (Khamis) bagi memberikan pengenalan, taklimat keselamatan, persediaan awal bagi mewujudkan persekitaran selesa kepada para peserta dan guru pengiring sebelum sesi sebenar *townhall* dilaksanakan.

Townhall Kanak-kanak pada hari ini merupakan kesinambungan kepada sesi pertama yang telah diadakan pada 10 September 2025 (Rabu) yang melibatkan wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Semua dapatan daripada kedua-dua sesi ini akan digabungkan dan dibentangkan melalui penyata jawatankuasa kepada Dewan Rakyat sebagai asas kepada cadangan penambahbaikan dasar, garis panduan dan pelan tindakan berkaitan keselamatan pelajar serta pembasmian buli di sekolah.

Sempena sambutan **Hari Kanak-Kanak Sedunia yang diraikan semalam, Khamis, 20 November**, Jawatankuasa turut mengucapkan selamat menyambut hari kanak-kanak sedunia dan menegaskan bahawa setiap kanak-kanak berhak untuk merasa selamat, didengari dan dilindungi. Program ini mencerminkan komitmen Parlimen untuk memperkasa suara pelajar dan memastikan kesejahteraan mereka diutamakan dalam agenda pembangunan negara.